

(waktu itu parti yang memenangi ialah Perikatan, Barisan Sosialis, Parti Islam Setanah Melayu (Pas), Parti Progresif Rakyat (PPP) dan ahli Parlimen yang bertanding atas tiket Bebas) pada 1959, yang sepenuhnya dipilih oleh rakyat dan sehingga kini mempunyai 222 perwakilan bagi Parlimen Kedua-belas di Dewan Rakyat, manakala Dewan Negara pada awalnya dianggotai 38 ahli dan berkembang kini kepada 70 ahli.

Pada tarikh keramat ini, majlis pelantikan Yang di-Pertua bagi kedua-dua Dewan dan angkat sumpah Ahli-Ahli Dewan berlangsung hampir serentak pada hari bersejarah itu.

Seperti suasana hari pertama Dewan Rakyat, hampir semua wakil rakyat yang diterajui Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj hadir kecuali Ahli Parlimen kawasan Kuala Langat merangkap Menteri Pelajaran dan Pertanian, Abdul Aziz Ishak. Kawasan kerusi yang dipertandingkan ketika itu ialah Kuala Kedah (Tunku Abdul Rahman), Pekan (Tun Abdul Razak Datuk Hussain), Johore Timur (Datuk Dr Ismail Datuk Abdul Rahman), Sungei Siput (Datuk V.T. Sambanthan), Muar Selatan (Datuk Suleiman Datuk Abdul Rahman), Pontian Utara (Sardon Haji Jubir), Ulu Selangor (Datuk Ong Yoke Lin), Melaka Tengah (Tan Siew Sin), Kuala Pilah (Bahaman Samsudin) serta Kuantan (Abdul Rahman Haji Talib). Mereka ini terdiri daripada barisan perintis Kabinet.

Yang Berhormat lain ialah Melaka Utara (Abdul Ghani Ishak), Batang Padang (Abdul Hamid Khan Haji Sakhawat Ali Khan), Kota Star Utara (Haji Abdul Khalid Awang Osman), Krian Laut (Abdul Rauf A Rahman), Sungei Petani (Abdul Samad Osman), Kuala Kangsar (Haji Abdullah Haji

Abdul Raof), Segamat Utara (Haji Abdullah Haji Mohd Salleh), Kota Bharu Hilir (Haji Ahmad Abdullah), Muar Utara (Ahmad Arshad), Setapak (Ahmad Boestamam), Johore Bahru Barat (Ahmad Mohamed Shah), Seberang Utara (Haji Ahmad Saaid), Krian Darat (Ahmad Haji Yusof), Kubang Pasu Barat (Haji Azahari Haji Ibrahim), Muar Dalam (Aziz Ishak), Besut (Dr Burhanuddin Mohd Noor), Kluang Selatan (Chan Chong Wen), Bentong (Chan Siang Sun), Ulu Kinta (Chan Swee Ho), Bukit Bintang (Cheah Theam Swee), Seremban Timor (Chin See Yin), Bungsar (V David), Jitra-Padang Terap (Datin Fatimah Haji Hashim), Penang Utara (Geh Chong Keat), Kapar (Hamzah Alang), Kulim Utara (Hanafi Mohd Yunus), Baling (Harun Abdullah), Trengganu Tengah (Harun Pilus), Kuala Trengganu Utara (Haji Hasan Adli Haji Arshad), Tumpat (Haji Hassan Mansor), Melaka Selatan (Hassan Mansor), Raub (Hussein Toh Muda Hassan), Parit (Hussein Mohd Noordin) dan Kota Bharu Hulu (Haji Hussin Rahimi Haji Saman).

Selain itu ialah Seberang Tengah (Ibrahim Abdul Rahman), Penang Selatan (Ismail Idris), Batu Pahat (Kang Kok Seng), Damansara (K. Karam Singh), Dungun (Che' Khadijah

Mohd Sidik), Batu Gajah (Khong Kok Yat), Kluang Utara (Lee San Choon), Tanjong Malim (Lee Seck Fun), Sepang (Lee Siok Yew), Kampar (Leong Kee Nyeen), Alor Star (Lim Joo Kong), Dato Kramat (Lim Kean Siew), Larut Selatan (Dr Lim Swee Aun), Rawang (Liu Yoong Peng), Port Dickson (T Mahima Singh), Klang (V Manickavasagam), Jelebu-Jempol (Mohamed Ujang), Hilir Perak (Mohamed Abbas Ahmad), Pasir Puteh (Mohamed Asri Haji Muda), Kuala Selangor (Mohamed Dahari Haji Mohd Ali), Johore Bahru Timor (Datuk Haji Mohamed Noah Omar), Ulu Perak (Mohamed Nor Mohd Dahan), Pasir Mas Hulu (Datuk Mohamed Hanifah Haji Abdul Ghani), Jerai (Mohamed Ismail Mohd Yusof), Lipis (Mohamed Sulong Mohd Ali), Temerloh (Mohamed Yusof Mahmud), Perlis Selatan (Haji Mohktar Haji Ismail), Pasir Mas Hilir (Nik Man Nik Mohamed), Batu (Ng Ann Teck), Kuala Trengganu Selatan (Datuk Onn Jaafar), Tanah Merah (Othman Abdullah), Perlis Utara (Othman Abdullah), Seremban Barat (Quek Kai Dong), Rembau-Tampin (Haji Redza Haji Mohd Said), Muar Pantai (Seah Teng Ngiab), Ipoh (D.R. Seenivasagam), Menglembu (S.P. Seenivasagam), Batu Pahat Dalam (Tuan Syed Esa Alwee), Sabak Bernam (Tuan Syed Hashim



YTM Tunku Abdul Rahman mengiringi Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong.

Syed Ajam] , Johore Tenggara (Tuan Syed Ja'afar Hasan Albar) , Larut Utara (Tajudin Ali), Bagan (Tan Cheng Bee), Bandar Malacca (Tan Kee Gak), Tanjong (Tan Phock Kin), Kulim-Bandar Bahru (Tan Tye Chek), Ulu Kelantan (Tengku Indra Petra Sultan Ibrahim), Segamat Selatan (Datuk Teoh Chze Chong), Seberang Selatan (V. Veerappen), Kelantan Hilir (Wan Mustapha Haji Ali), Kota Star Selatan (Wan Sulaiman Wan Tam), Kemaman (Wan Yahya Haji Wan Mohamed), Telok Anson (Woo Saik Hong), Bagan Datoh (Yahya Haji Ahmad), Bruas (Yeoh Tat Beng), Sitiawan (Yong Woo Ming), Pontian Selatan (Hajah Zain Sulaiman), Langat (Haji Zakaria Haji Mohd Taib) dan Bachok (Zulkiflee Muhammad).

Pada hari pertama persidangan, Pemasyhuran oleh Yang di-Pertuan Agong bagi pembukaan sulung Parlimen Pertama dibacakan Setiausaha Dewan, diikuti dengan pelantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tunku Abdul Rahman bangun dan mencadangkan Ahli Parlimen Johore Bahru Timor (Datuk Mohamed Noah) dilantik sebagai Yang di-Pertua (turut dikenali sebagai Pegawai Tertinggi dalam Dewan Rakyat). Cadangan Perdana Menteri telah disokong kemudian oleh Ahli Parlimen Segamat Selatan, Datuk Teoh Chze Chong. Sementara di Dewan Negara, Tun Leong Yew Koh telah mencadangkan Datuk Haji Abdul Rahman Mohamed Yasin sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara pertama dan disokong oleh T.H. Tan.

Selepas mendapat mandat Dewan, Datuk Mohamed Noah secara rasmi dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat pertama dan kemudiannya pelantikan tersebut telah dialu-alukan oleh Tunku Abdul Rahman sebagai mewakili Dewan dan Ahli-Ahli Parlimen keseluruhannya. Dalam ucapan sulungnya, beliau melahirkan keyakinan terhadap pengalaman luas Datuk Mohamed Noah untuk mengendalikan prosedur peraturan Dewan yang mana beliau dapat menjalankan tugas yang efektif. Malahan Tunku Abdul Rahman turut melahirkan pendiriannya bahawa setiap Ahli-Ahli Dewan juga menaruh keyakinan kepada Yang di-Pertua yang



baru.

Sebaik Tunku Abdul Rahman selesai berucap, Ahli Parlimen Kuala Terengganu Selatan, Datuk Onn bingkas berdiri dengan menyuarakan kepada Yang di-Pertua bahawa seharusnya diberikan peluang kepada pihak di sebelah bukan parti kerajaan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertua. Datuk Onn berpendapat bahawa pengucapan tahniah oleh Tunku Abdul Rahman tidak sepatutnya mewakili semua Ahli Dewan. Malahan Datuk Onn berpendapat ucapan tahniah Perdana Menteri sepatutnya hanya mewakili pihak Kerajaan sahaja.

Sebaik mendengar hujah Datuk Onn, Datuk Mohamed Noah memaklumkan Peraturan Mesyuarat Dewan belum diluluskan lagi, tetapi

bersandarkan pengamalan biasa, beliau telah membenarkan setiap Ahli Dewan mempunyai hak untuk membuat ucapan tahniah. Maka Ahli Parlimen Besut dan Ahli Parlimen Ipoh bangun untuk memberikan ucapan tahniah.

Apabila tiba giliran Datuk Onn, beliau sekali lagi mencetuskan pandangan kritis kenapa agak terbatas ucapan tahniah tersebut sedangkan setiap Ahli Dewan berhak menyuarakan pandangan lain mengikut versi masing-masing bersandarkan prinsip demokrasi sekiranya mahu melihat Dewan yang bercirikan sedemikian. Malahan, Datuk Onn juga mengingatkan walaupun pembangkang sekadar mewakili satu pertiga iaitu 46 % daripada jumlah



Upacara perasmian Persidangan Parlimen yang pertama oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad. (Ehsan Foto Arkib Negara Malaysia)

upacara rasmi negara. Dalam banyak hal, pembangkang memainkan peranan yang amat penting dalam menghidupkan perjalanan demokrasi; baik di Parlimen mahupun negara.

Jelas dilihat pada hari pertama persidangan yang berlangsung sejak 50 tahun lalu sehingga sekarang, wacana perbahasan telah dibangkitkan secara ilmiah dan kritikan membina walaupun ada selalunya perbahasan sepanjang tempoh lima dekad ini pernah mencatatkan keterlanjuran kata-kata dan tingkah laku dalam kalangan Ahli-Ahli Dewan.

Namun apabila disingkap kembali hari pertama persidangan tersebut telah menunjukkan setiap Ahli-Ahli Dewan sememangnya dianugerahkan Tuhan untuk bijak bercakap atas suara kepentingan rakyat, negara dan agama. Sarjana pemikir Islam tersohor, Al-Farabi dalam buku bertajuk "Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu" tulisan Idris Zakaria pernah menyebut seorang pemimpin yang unggul terdiri daripada tiga kriteria utama iaitu ilmu dan kebijaksanaan, sempurna fizikal, akhlak mulia dan keberanian. Maksud yang mudah oleh Al-Farabi ialah pemimpin atau ketua bukan manusia sembarangan.

Itulah yang cuba dibawa oleh kedua-dua Dewan tertinggi, Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam institusi Parlimen Malaysia. Perbahasan-perbahasan yang bernas dan menepati keperluan rakyat banyak dibangkitkan. Ahli-Ahli Dewan kini berupaya

memperkembangkan kecekapan berkomunikasi dengan berkesan, melatih berfikir dengan pantas dan melahirkan buah fikiran dengan tepat dan teratur, menguasai kemahiran berbahasa dengan menggunakan struktur ayat yang gramatis dan laras bahasa yang sesuai. Di samping itu, Ahli-Ahli Dewan kerap mengemukakan hujah secara rasional, kritis dan kreatif, melatih kemahiran mendengar, berhujah dan membidas.

Penganalisis politik tempatan yang juga pensyarah kanan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr Ahmad Nidzamuddin Sulaiman menyebut apabila berlaku suatu perbahasan yang sihat, maka perkembangan kebolehan berbahasa dengan sendiri membawa kepada perkembangan kemahiran berbahasa, perkembangan mental yang positif, peningkatan ilmu dan pemupukan sifat-sifat kepimpinan.

"Inilah faktor-faktor yang perlu ada pada setiap Ahli-Ahli Parlimen sama ada dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Malah, saya melihat suasana dan mutu perbahasan sekarang berkualiti walaupun ada juga kehangatan yang berlaku dengan penggunaan bahasa atau kata-kata yang tidak mengikut peraturan mesyuarat dewan.

"Tetapi secara menyeluruh tidak kira dulu dan sekarang, Ahli-Ahli Dewan bijak berbahasa dan cukup berhemah. Mereka perlu faham bahawa kehadiran di Dewan Rakyat sebagai contohnya adalah atas pilihan rakyat menerusi proses pilihan raya umum yang sah.

Melihat kepada proses demokrasi yang pesat, Parlimen Malaysia khususnya Dewan Rakyat telah menerima kedatangan Ahli-Ahlinya melalui 12 proses pilihan raya umum iaitu pada 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004 dan 2008. Sewajarnya, sempena Jubli Emas Parlimen Malaysia menyaksikan satu anjakan paradigma institusi itu yang mendukung demokrasi berparlimen sebagai majlis untuk rakyat yang bertunjangan toleransi dan pemupukan perpaduan yang berterusan.

kerusi pilihan raya umum lalu, itu tidak bermakna peranan mereka boleh disisihkan begitu sahaja.

Pandangan sebegini pernah disuarakan oleh pakar Undang-Undang Perlembagaan Negara, Profesor Dr Abdul Aziz Bari dalam buku bertajuk "Politik Perlembagaan - Suatu Perbincangan Tentang Isu-isu Semasa dari Sudut Perlembagaan dan Undang-undang" yang melihat peranan Ketua Pembangkang penting dalam memastikan kerajaan yang memerintah bertanggungjawab terhadap segala dasar dan tindakannya, selaras dengan tuntutan Perkara 43(3) Perlembagaan. Kalau dilihat di United Kingdom, Ketua Pembangkang di Parlimen turut mengambil bahagian dalam upacara-



Oleh **Mustafar Ramdzuan bin Zakaria**
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

Transformasi Kepimpinan Malaysia

KEPIMPINAN Malaysia masakini adalah hasil perjalanan sejarah negara selama lebih 600 tahun semenjak Kesultanan Melayu Melaka iaitu serentak dengan pembukaan Melaka pada 1402 oleh Parameswara yang kemudiannya memeluk agama Islam dengan gelaran Sultan Iskandar Shah. Selepas itu, Melaka telah berkembang pesat menjadi pusat perdagangan antarabangsa, pertemuan pedagang antara timur dan barat dan nadi

dalam kalangan rakyat sehingga sanggup berpaling tadah kepada musuh negara serta tentangan daripada sebahagian peniaga kepada Sultan Melaka ketika itu. Maka bermulalah penjajahan barat ke atas Melaka khususnya dan Tanah

Abdul Rahman Limbong dan ramai lagi. Setelah pendudukan Jepun di Tanah Melayu berakhir pada 12 September 1945, Tanah Melayu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British (BMA).



penyebaran agama Islam di seluruh nusantara. Melaka mencapai puncak kegemilangan semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah dan menerima watakah persahabatan atau "*letter of friendship*" daripada Maharaja Ming. Watakah ini adalah yang pertama pernah diberikan kepada mana-mana kerajaan beraja.

Kegemilangan Melaka selama lebih satu abad amat dicemburui oleh pedagang Eropah khususnya Portugis. Akhirnya, Kesultanan Melayu Melaka tersungkur juga apabila Alfonso de Albuquerque menawan Melaka pada 24 Ogos 1511 setelah mendapat tentangan sengit. Kekalahan Melaka antaranya disebabkan perpecahan antara pemimpin dan rapuhnya perpaduan

Melayu amnya. Selepas Portugis, tiba pula giliran Belanda menjajah Melaka hasil perjanjian pada 14 Januari 1641 melalui Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTB). Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 menyaksikan berakhirnya kebebasan politik dan ekonomi Tanah Melayu apabila bermula penjajahan Inggeris yang telah membawa masuk orang India untuk bekerja di ladang dan orang Cina untuk melombong. Manakala orang Melayu terus menjadi petani.

Perjuangan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu didokong dengan keazaman dan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan seperti Dol Said, Dato' Maharaja Lela, Dato' Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau, Tok Janggut, Haji

British telah merangka Perlembagaan Malayan Union. Orang Melayu bangun menentang gagasan Malayan Union kerana menyedari Raja-Raja Melayu akan kehilangan kuasa masing-masing dan hanya mempunyai peranan sebagai penasihat. Orang Melayu bangun menentang gagasan Malayan Union ini melalui persatuan-persatuan Melayu seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani Malaya (BATAS).

Dato' Onn Jaafar bersama Persatuan Melayu Selangor telah menganjurkan Kongres Melayu Semalaya yang dihadiri oleh 42 buah pertubuhan Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada awal bulan Mac

1946. Seluruh persatuan Melayu disatukan untuk menentang *Malayan Union* secara berkumpulan. Kongres Melayu Semalaya Kedua telah diadakan pada 11 Mei 1946 di Johor Bahru dan menubuhkan UMNO bagi menentang *Malayan Union*. Atas desakan yang berterusan, akhirnya British terpaksa akur untuk membatalkan penubuhan *Malayan Union* kerana menurut British tanpa sokongan orang Melayu, *Malayan Union* tidak akan berjaya.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditandatangani British dengan Raja-raja Melayu pada 21 Januari 1948. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menyatakan hak, kedaulatan dan kedudukan istimewa Raja-raja Melayu dikembalikan semula. Jawatan Menteri Besar diwujudkan bagi menggantikan jawatan Residen British. Orang Melayu telah melakukan pengorbanan yang besar dengan memberikan hak dan kerakyatan yang sama kepada semua kaum dengan harapan British akan membantu meningkatkan taraf kehidupan orang Melayu. Tetapi British tidak pernah merealisasikannya. Parti Komunis pula mengambil kesempatan menanggung di air keruh dengan mengkucar-kacirkan ketenteraman dan keharmonian kaum bertujuan menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Dato' Onn Jaafar telah mencadangkan kepada Sir Henry Gurney agar Sistem Ahli yang bermodelkan negara Kenya dan Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu bagi mengurangkan tekanan daripada Parti Komunis Malaya selain melatih penduduk negara ini dan kaum lain menguruskan pentadbiran negara. Di samping itu, Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee* (CLC) telah ditubuhkan di Pulau Pinang sebagai inisiatif awal pakatan murni mencari jalan penyelesaian menyatupadukan rakyat pelbagai kaum. Pada permulaannya CLC dianggotai oleh kaum Melayu dan Cina yang dinaungi UMNO dan MCA. Pada bulan Ogos 1949, CLC mempunyai enam orang pemimpin Melayu, enam

orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah. Penyertaan pemimpin pelbagai kaum membawa perubahan kepada politik Tanah Melayu. Dato' Onn Jaafar mempelopori gagasan perpaduan antara kaum, asas kepada kemerdekaan yang bakal dicapai. Prinsip perjuangan bertunjangkan prinsip perpaduan dan keharmonian semua kaum dalam kemajmukan rakyat.

Rundingan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dan turut disertai oleh Tun Abdul Razak Hussein serta pemimpin lain akhirnya membuahkan kejayaan dengan British bersetuju untuk menubuhkan suruhanjaya bebas bagi mengkaji perlembagaan dan memberikan tarikh kemerdekaan 31 Ogos 1957. Tunku mengisytiharkan tarikh kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir Melaka pada 20 Februari 1956. Seterusnya, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 antara Raja-raja Melayu dengan British telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang membuka ruang untuk membentuk sebuah kerajaan demokrasi dan Raja Berpelembagaan.

Pemimpin-pemimpin dahulu telah berjaya membebaskan negara daripada penjajah selama 400 tahun dengan menghadihkan kemerdekaan. Hadiah yang tidak ternilai untuk bangsa Malaysia dan generasi akan datang. Hak mutlak juga diberikan kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan berkerajaan sendiri. Setiap kaum sewajarnya bertolak ansur dan berusaha memajukan diri bagi mengisi kemerdekaan di samping mengenyepikan perbezaan warna kulit, agama, bangsa dan bahasa. Prinsip-prinsip Perlembagaan merupakan langkah ke arah pembinaan bangsa Malaysia yang berdaulat, berperlembagaan dan berperundangan.

Sepanjang 52 tahun mengecapi kemerdekaan, negara telah membangun dengan pesat. Malaysia bertuah kerana mempunyai ramai pemimpin negara yang berjiwa rakyat. Pertamanya, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang telah diberikan gelaran Bapa Kemerdekaan

dan menjadi Perdana Menteri Malaysia pertama dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970. Allahyarham Tunku telah berjaya menamatkan penjajahan dan membawa kemerdekaan serta menamatkan darurat. Beliau telah memimpin negara bagi membentuk sebuah kerajaan demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Tunku menyedari bahawa fahaman komunis tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat berbilang kaum di negara kita. Komunis telah dapat ditamatkan pada 31 Julai 1960. Tunku bertanggungjawab bagi penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pada 16 September 1963. Bagaimanapun, keamanan negara tercalar dengan Tragedi 13 Mei 1969 yang menyebabkan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) pada 14 Mei 1969. Tunku meletakkan jawatan pada 22 September 1970.

Tanggungjawab memimpin negara diserahkan kepada Tun Abdul Razak bin Hussein yang digelar sebagai Bapa Pembangunan dan telah menjadi Perdana Menteri Malaysia dari 22 September 1970 hingga 14 Januari 1976. Beliau bertanggungjawab membawa pembangunan desa dari segi fizikal dan mental masyarakat desa termasuklah membasmi kemiskinan antaranya dengan mewujudkan Felda. Beliau telah mengadakan Bilik Gerakan pembangunan luar bandar dan menyediakan Buku Merah atau *RED (Rural Economics Development) Book*. Beliau begitu prihatin dengan pendidikan termasuk pendidikan dewasa di luar bandar dengan mengadakan kelas dewasa bermula dengan hanya 300 buah kelas (1961) tetapi telah meningkat dengan mendadak kepada 9,000 kelas (1962). Kelas dewasa ini telah berjaya membasmi buta huruf dalam kalangan penduduk dewasa di luar bandar. Antara sumbangan lain Allahyarham termasuklah merealisasikan penubuhan Malaysia dan Jawatankuasa Perundangan Perpaduan Malaysia, Penyata Razak, Jabatan Perpaduan Negara, Majlis Perundangan Negara, Dasar Ekonomi Baru mulai 1970 dan memperkenalkan Rukun Negara.



Kesinambungan kepimpinan negara diteruskan oleh Tun Hussein Onn yang telah menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-3 dari 14 Januari 1976 hingga 16 Julai 1981 dan mendapat gelaran sebagai Bapa Perpaduan. Beliau memainkan peranan penting dalam agenda perpaduan kaum melalui dasar-dasar yang diwujudkan semata-mata untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Beliau juga meneruskan agenda dasar Ekonomi Baru seperti penubuhan UDA, SEDC, MAS, INTAN dan NPC. Semasa pentadbiran beliau beberapa program nasional telah diperkenalkan antaranya skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan menubuhkan Persatuan Mencegah Dadah (PEMADAM). Beliau telah menyumbang kepada Hospital Mata Tun Hussein, Petaling Jaya.

Kemuncak kepimpinan negara ialah apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mencatatkan sejarah sebagai Perdana Menteri yang paling lama berkhidmat iaitu selama lebih 22 tahun dari 16 Julai 1981 hingga 31 Oktober 2003. Beliau telah memperkenalkan Wawasan 2020 sebagai agenda nasional untuk menjadikan negara sebagai negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Beliau telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada negara dalam pelbagai bidang sosio-ekonomi dan hubungan antarabangsa antaranya termasuklah menyeragamkan waktu Semenanjung Malaysia dengan waktu Sabah dan Sarawak, Dasar Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia, Dasar Sains dan Teknologi, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Tauladan, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Dasar Pandang ke Timur.

Sumbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad di peringkat hubungan antarabangsa amat menyerlah termasuklah kepada ASEAN, OIC, Komanwel, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), Pengerusi NAM dan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC). Perkhidmatan awam juga mendapat perhatian beliau

antaranya memperkenalkan kad perakam waktu, konsep ruang dan pejabat terbuka, Manual Prosedur Kerja (MPK), pengenalan tanda nama, sistem fail meja, pengurusan melalui mesyuarat dan program pengukuran produktiviti. Program penambahbaikan yang diperkenalkan antaranya pusat bayaran setempat, kotak cadangan dan penggunaan sistem automasi dan teknologi. Beliau konsisten dengan pemikiran yang bebas kolonial. Beliau telah berjaya mengembalikan pemilikan ladang Guthrie kepada Malaysia melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB). Beliau juga membawa gagasan pemikiran "Malaysia Boleh" yang menyaksikan pencapaian rakyat Malaysia dalam pendakian Everest, merentasi Selat Inggeris, menjelajah Kutub Utara dan Kutub Selatan dan misi negara ke angkasa.

Dalam pengurusan kewangan dan ekonomi, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya menyelamatkan kegawatan ekonomi dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan membina tembok ekonomi negara dengan kawalan modal dan penetapan kadar tukaran asing. Semasa krisis kewangan beliau telah menetapkan nilai ringgit kepada RM3.80 bagi setiap AS\$1 dan menolak Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Idea dan sumbangan Tun Mahathir juga termasuklah membangunkan pelbagai projek infrastruktur seperti jambatan Pulau Pinang, pembinaan lebuh raya Utara-Selatan, sistem pengangkutan canggih seperti LRT, komuter, monorel dan KLIA, bangunan pencakar langit seperti Menara Kembar Petronas dan Litar Lumba Antarabangsa Sepang (SIC). UMNO Bahagian Pasir Salak meluluskan satu usul memberikan gelaran "Bapa Permodenan" kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Peralihan kepimpinan telah dilakukan secara aman kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-5 pada 31 Oktober 2003 dan bersara pada 3 April 2009. Beliau adalah pemimpin berjiwa rakyat yang dibesarkan dalam persekitaran kampung dan desa

serta berpendidikan agama. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam antaranya sebagai Penolong Setiausaha JPA, KPSU Majlis Keselamatan negara dan KPSU MAGERAN, Pengarah Belia Kementerian Belia dan Sukan. Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam kabinet antaranya sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri JPM, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Pendidikan, Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri.

Beliau memegang prinsip untuk menolak politik wang dan memperkenalkan gagasan "Bekerja dengan saya", pembangunan modal insan, pembangunan Islam berperadaban atau Islam Hadhari yang mengembalikan umat Islam kepada asas yang terkandung dalam Al-Quran. Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam perkhidmatannya turut memperkenalkan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, Pelan Integriti Nasional (PIN), Wilayah Pembangunan iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar, Koridor Utara, Rancangan Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Pembangunan Wilayah Negeri Sarawak. Komitmen dan kesungguhan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam memerangi rasuah dan seterusnya meningkatkan integriti negara telah menubuhkan suruhanjaya 3 serangkai yang penting iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan.

Pucuk pimpinan negara membuka lembaran baru dengan pelantikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6 pada 3 April 2009. Beliau mewakili pemimpin generasi muda pasca merdeka. Beliau mula menyertai politik dalam pilihan raya kecil Parlimen Pekan ketika berusia 23 tahun dan seterusnya menjadi Ahli Parlimen Pekan dari tahun 1976 hingga 1982 sebelum dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Bandar Pekan

(1982 -1986). Beliau kembali menjadi Ahli Parlimen Pekan dari 1986 hingga sekarang. Kerjaya Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam pentadbiran Kerajaan diteruskan sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (1978-1980), Timbalan Menteri Pelajaran (1980-1981) dan Timbalan Menteri Kewangan (1981-1982). Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak kembali ke Pahang sebagai Menteri Besar dari 1982 – 1986. Kepimpinan beliau di peringkat Persekutuan diperlukan dan dilantik menyertai kabinet sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1986-1987), Menteri Belia dan Sukan (1987-1990), Menteri Pertahanan (1990-1995), Menteri Pelajaran (1995-1999) dan Menteri Pertahanan (1999-2009). Mewarisi kepimpinan sehati sejiwa bersama rakyat, beliau telah menjadi Timbalan Perdana Menteri (2004 – 2009) dan seterusnya sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kewangan mulai September 2009-hingga kini.

Pelantikan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri telah membuka era kepimpinan baru negara. Beliau adalah seorang pemimpin yang berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran Kerajaan. Selama 33 tahun bergelumbang dalam parti, meniti pelbagai ranjau dan duri, melangkah penuh tertib setapak demi setapak, kini semua pengorbanan mencapai kemuncak tertinggi dalam parti dan pentadbiran negara. Sehari selepas dilantik sebagai Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah turun padang mendampingi rakyat dengan program *walkabout* iaitu tinjauan mesra dengan mengunjungi Petaling Street, Vista Angkasa, Brickfields dan Puduraya. Beliau turut berkunjung ke tempat pendalaman seperti Kampung Picin, Kampung Bidayah, Batang Air dan Lubuk Antu di Sarawak. Beliau turut membebaskan 13 orang tahanan ISA.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak memulakan langkah dengan memperkenalkan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” yang berteraskan

pembabitan semua kaum dalam pembangunan negara. Asas penting konsep ini adalah perpaduan sebagai wacana pembinaan dan penciptaan satu bahasa, satu bangsa dan satu negara Malaysia. Beliau menekankan bahawa rakyat Malaysia ibarat satu keluarga besar yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya mahupun kepercayaan. Kemajmukan rakyat Malaysia menjadi aset negara yang penting dan menjadi *competitive advantage* untuk merealisasikan dasar globalisasi. Lanjutan konsep 1Malaysia, kerajaan melalui Permodalan Nasional Berhad telah melancarkan tabung Amanah Saham 1Malaysia (AS1Malaysia) pada 30 Julai 2009.

Pendekatan dan strategi kepimpinan yang prihatin kepada rakyat ini ialah melalui: pertama, meliputi soal kesejahteraan rakyat, kemakmuran ekonomi. Kedua, hak asasi manusia dan kebebasan media dan ketiga, peningkatan kecekapan anggota pentadbiran penjawat awam serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Beliau telah mengisytiharkan bahawa pentadbiran beliau akan bergerak di atas landasan dan kaedah KRA (Bidang Hasil Utama) dan KPI (Petunjuk Prestasi Utama). Beliau turut mengumumkan enam *National Key Result Area* atau NKRA untuk diberikan tumpuan.

Semasa perhimpunan seratus hari menjadi Perdana Menteri, beliau dan semua Menteri mengenyahkan protokol sebaliknya duduk bersila bersama pelbagai lapisan masyarakat sebagai bukti kesungguhan Kerajaan dalam mengamalkan prinsip rakyat didahulukan. Beliau turut mengumumkan pengurangan kadar tol, pilihan memiliki rumah di Wilayah Persekutuan di bawah Program Perumahan Rakyat, pengurangan 50 % lesen peniaga kecil di Wilayah Persekutuan, 3,000 permit teksi individu, pengurangan jenayah, mempercepatkan pendaftaran kelahiran di Sabah dan Sarawak, menyelesaikan hal pendaftaran kewarganegaraan, pembinaan jalan luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak, bekalan air ke

Sabah dan Sarawak, pengurangan kadar bayaran latihan memandu dan cadangan Amanah Saham 1Malaysia.

Perjalanan kepimpinan negara 50 tahun pasca merdeka telah menjadi sejarah. Kini bermula perjalanan kepimpinan bagi 50 tahun pasca kedua ke arah masa depan yang lebih baik, makmur dan terjamin. Sejarah telah menyaksikan transformasi kepimpinan 50 tahun berlalu dan bakal menyaksikan transformasi kepimpinan 50 tahun mendatang yang menjanjikan kegemilangan bangsa dan negara Malaysia. Tiba masanya pemimpin dan rakyat berjalan seiringan dan melangkah sehaluan dalam satu suara, satu impian, satu harapan dan satu Malaysia. Setiap warga Malaysia adalah komponen penting demi menentukan maju mundur, berjaya dan gagal negara tercinta. Kemerdekaan adalah hadiah yang amat berharga dan tidak ternilai harganya kepada generasi masa kini dan yang akan datang yang hanya dapat dipertahankan dengan semangat perpaduan sebagai warga negara Malaysia.

RUJUKAN

- Norlaila Ahmad (2008). Memori Pejuang Bangsa, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur: Percetakan Watan S/B (2008).
- Habsah Dinin (2009). "Perdana Menteri Malaysia Ke-6: Menjayakan Amanah Rakyat", Berita Harian, Kuala Lumpur (3/4/ 2009), 2-6
- Kamarul Idris (2009). Malaysia's Sixth Prime Minister: "One Malaysia Moving Ahead- Enter". NST, Kuala Lumpur (3/4/2009),2
- Mohd. Kamil Yusuf (2009). Perdana Menteri Ke-6: "Wira Baru Melayu". Utusan Melayu, Kuala Lumpur (3/4/ 2009),2
- Nurul Adlina Kamaludin, Rohaniza Idris (2009). 1Malaysia mesti ada dalam pemikiran setiap rakyat. Berita Harian, Kuala Lumpur (19/4/2009), 34
- – (2009). Mengejar harapan serta masa depan Malaysia yang lebih makmur dan stabil. Berita Harian, Kuala Lumpur (12/7/2009), 34
- – (2009). ECER-Memacu Pembangunan, mengimbangi Pertumbuhan", Utusan Malaysia, Kuala Lumpur (5/8/2009) 2-5



SUARA WAKIL RAKYAT WANITA DI PARLIMEN



Suara wanita semakin bersemarak di Parlimen

PARLIMEN adalah institusi yang penting dalam sistem demokrasi berparlimen, wujud dan berfungsi sebagai institusi yang merangka dasar dan polisi bagi pentadbiran negara, menggubal undang-undang serta meluluskan peruntukan kewangan, untuk pembangunan dan kesejahteraan negara. Suara wanita di Parlimen mula direkodkan semenjak Majlis Mesyuarat ditubuhkan pada 1948. Pada tahun 1955, seorang wanita telah dipilih oleh rakyat sebagai ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Pada tahun 1969, tiga orang wanita telah menjadi ahli Dewan Rakyat, dan menjelang 1969, dua orang

wanita telah dilantik ke Dewan Negara. Selepas pilihan raya tahun 1969, wanita telah dilantik menjadi anggota kabinet sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat. Terbaru seorang Senator wanita telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan pelantikan ini sangat bermakna kerana hal ini berlaku di saat Parlimen Malaysia menyambut ulang tahun ke-50.

SUARA WANITA PRA-MERDEKA

Peranan dan penglibatan wanita di peringkat menggubal dan meluluskan undang-undang, dasar-dasar dan polisi

negara kita, telah diiktiraf sebelum merdeka lagi. Pada 1948, terdapat dua ahli wanita dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan iaitu Puan Sri Datin Hajah Puteh Mariah dan Puan Lim Beng Hong (Puan B.H. Oon). Puan Sri Datin Hajah Puteh Mariah adalah seorang tokoh politik yang banyak berjuang untuk keadilan sosial dan kemerdekaan negara. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Perak dan telah dilantik menjadi Ahli Majlis Undangan Persekutuan pada 1948. Beliau merupakan ketua Kaum Ibu UMNO yang pertama. Manakala, Puan B.H. Oon, telah dilantik ke Majlis Undangan Persekutuan untuk mewakili golongan profesional, pendidikan dan kebudayaan pada tahun 1948 hingga 1955. Puan B.H. Oon juga adalah salah seorang pengasas *Malaysian Chinese Association* (MCA) dan pengerusi cawangan MCA Seberang Prai.

Sejauh manakah penglibatan mereka pada masa itu memberi impak kepada fungsi institusi Parlimen dan juga pelaksanaan dasar dan polisi yang lebih berkesan kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu secara amnya dan wanita khususnya. Jika dilihat dari sudut sejarah, zaman pra-merdeka adalah zaman yang amat mencabar. Ramai golongan wanita pada masa tersebut tidak berpeluang mendapat pendidikan formal, dan ramai daripada mereka adalah suri rumah sepenuh masa, sebahagiannya pula bekerja di sawah padi atau kebun-kebun bagi tujuan menambah ekonomi keluarga. Ramai juga dalam kalangan mereka menjadi ibu tunggal akibat kematian suami dalam mempertahankan negara dan sebagainya. Melihat senario pada masa itu, jelas sekali, perjuangan mereka adalah bagi membantu meningkatkan taraf ekonomi dan sosial rakyat. Pelbagai

program dan aktiviti-aktiviti sosial wanita setempat telah diadakan, seperti kursus-kursus membaca dan menulis, jahitan, masakan dan kegiatan membaca Quran. Apabila ibu-ibu berkumpul, peluang inilah digunakan untuk menerapkan semangat nasionalisme dan kemahiran ke dalam diri wanita-wanita ini. Melalui aktiviti-aktiviti ini jugalah segala masalah sosial dan isu-isu yang berbangkit dikenalpasti dan di ketengahkan kepada pihak pemerintah. Isu yang menjadi fokus pada masa itu adalah penekanan terhadap bidang pendidikan dan kesihatan terutamanya golongan wanita serta mekanisma untuk meningkatkan ekonomi keluarga terutamanya masyarakat luar bandar.

Perjuangan di peringkat ini



◀ Tan Sri Datin Paduka Seri Dr. Aishah Ghani dan Dato' Sri Rafidah Aziz, bergambar di hari pembukaan Parlimen 1982.

juga tertumpu kepada mencapai kemerdekaan tanah air. Puan Sri Datin Hajah Puteh Mariah, telah menganggotai *Constitutional Working Committee* pada tahun 1947. Jawatankuasa tersebut berperanan menyediakan perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Beliau menjadi ahli dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan Jawatankuasa Tetap Persekutuan mengenai kewangan dari tahun 1948-1955. Sumbangan beliau terhadap pembangunan masyarakat khususnya peningkatan kehidupan sosial, dari segi pendidikan dan ekonomi masyarakat luar bandar adalah sangat besar sekali. Perjuangan Ahli Parlimen wanita ini telah

diwariskan kepada generasi seterusnya bagi meneruskan pembangunan negara selepas mendapat kemerdekaan daripada kerajaan British. Pada pilihan raya umum 1955, 52 kerusi telah dipertandingkan dan salah satunya telah dimenangi oleh wanita, yang mewakili kaum ibu, iaitu Halimaton binti Abdul Majid, yang mewakili parti Perikatan.

WANITA SELEPAS MERDEKA

Perjuangan pemimpin wanita di Parlimen dan juga dalam politik telah memberi kesan kepada keputusan pilihan raya 1959. Dalam pilihan raya 1959, Tun Dr Fatimah Hashim telah bertanding untuk Parlimen Padang Terap, dan telah dipilih menjadi wakil rakyat. Dalam pilihan

raya tersebut, undi wanita merupakan separuh daripada keseluruhan undi. Bersama beliau sebagai wakil wanita yang memperjuangkan suara rakyat pada masa itu adalah Khadijah binti Mohamad Sidek mewakili PAS dan Tan Sri Hajah Zainun binti Munshi Sulaiman. Keadilan sosial adalah matlamat perjuangan wanita pada masa itu. Pelantikan beliau sebagai Menteri Kebajikan Am pada 20 Mei 1969 menyemarakkan penglibatan wanita dalam politik negara. Beliau yang memegang jawatan Menteri dari tahun 1969 sehingga tahun 1973 merupakan satu-satunya Menteri wanita pada masa itu.

Hasil perjuangan beliau dan sokongan badan bukan kerajaan pada masa itu, kemajuan wanita dalam pelbagai bidang pekerjaan terus meluas. Hak-hak wanita dari segi undang-undang telah dikaji dan disusun semula agar lebih efektif dan berkesan. Isu yang sangat relevan dengan nama beliau adalah isu perjuangan untuk mendapatkan persamaan gaji bagi wanita dan lelaki. Hasilnya, dasar gaji sama telah dilaksanakan pada bulan Ogos 1969.

Tun Dr Fatimah Hashim bukan sahaja memberi pendapat berkenaan isu-isu wanita dan kebajikan am tetapi beliau juga peka dengan isu-isu lain seperti isu memartabatkan Bahasa Melayu dalam Parlimen. Beliau pernah menegur seorang menteri Melayu yang menggunakan Bahasa Inggeris dalam menjawab soalan-soalan dalam Dewan.

Kesinambungan perjuangan Ahli Parlimen wanita terdahulu diteruskan oleh pelapis seterusnya. Selepas era Tun Dr. Fatimah Hashim, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjadi platform yang penting bagi perjuangan hak kesaksamaan wanita dan keadilan sosial bagi semua pihak di negara ini. Tan

Sri Aishah Abdul Ghani, Tan Sri Zaleha Ismail, Tan Sri Napsiah dan Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman telah meneruskan perjuangan wakil rakyat wanita dengan menerajui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Antara tahun 1970an-1980-an, negara menghadapi beberapa krisis nasional, seperti masalah sosial yang serius dan berpanjangan yang memerlukan perhatian kerajaan. Antaranya masalah penghijrahan ke bandar raya besar, pelacuran, kesihatan wanita dan kanak-kanak, permulaan bencana najis dadah dan kebajikan masyarakat di luar bandar, memerlukan perhatian yang khusus untuk ditangani.

Pada masa itu, perhatian diberikan kepada pembangunan wanita khususnya ibu tunggal, pembangunan keluarga melalui program-program dan projek-projek yang dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara. Hasil daripada sumbangan idea dan sokongan pelbagai pihak terutamanya Ahli Parlimen wanita yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam Parlimen, pelbagai dasar dan polisi terhadap pembangunan wanita telah dilaksanakan. Antara kejayaan yang telah dicapai ialah anak-anak perempuan mula berpeluang belajar ke peringkat lebih tinggi dalam pelbagai bidang. Semua bidang pekerjaan terbuka kepada wanita. Masalah kepincangan kekeluargaan diperhalusi dan diperbaiki. Undang-undang yang memelihara hak wanita dan kanak-kanak mula dirangka, dilulus dan dilaksanakan, antaranya Undang-undang Keluarga Islam. Akta Keganasan Rumah telah diluluskan pada tahun 1994, serta Kod dan Amalan Keganasan Rumah tangga 1999 dilaksanakan.

Meskipun satu kementerian khusus telah ditubuhkan untuk menangani isu wanita dan hal ehwal sosial di negara ini, namun, suara Ahli Parlimen wanita juga tertumpu kepada hal-ehwal ekonomi dan pembangunan negara dari aspek yang lebih menyeluruh. Ahli Parlimen yang pakar dalam bidang tertentu telah diberi jawatan di peringkat eksekutif. Tan Sri Rafidah Aziz, misalnya telah berjaya menerajui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sejak tahun 1987 hingga 2008. Pelantikan beliau menunjukkan bahawa Ahli Parlimen wanita layak dilantik memegang jawatan penting berasaskan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan individu tanpa diskriminasi gender.

Penglibatan tokoh-tokoh awal wanita dalam pentadbiran negara telah menjadi pemangkin bagi para wanita untuk mengikut jejak langkah mereka dari semasa ke semasa. Suara wanita di Parlimen semakin lantang dengan pertambahan jumlah Ahli Parlimen wanita dari semasa ke semasa baik di Dewan Negara, mahupun Dewan Rakyat.

Dalam pilihan raya umum ke-12, wanita Malaysia terus melakar sejarah



Semangat 1Malaysia dalam kalangan wanita selepas merdeka.

AHLI PARLIMEN	TAHUN	LELAKI	WANITA	JUMLAH
Dewan Rakyat	1986	164	7	171
	1990	162	9	171
	1995	166	13	179
	2000	173	20	193
	2004	198	21	219
	2008	199	23	222
Dewan Negara	1986	49	11	60
	1990	45	10	55
	1995	46	11	57
	1998	48	14	62
	2000	45	17	62
	2008	44	16	60

setelah memenuhi 24 kerusi atau 10.81% daripada 222 jumlah kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Manakala di Dewan Negara pada 2009, daripada 65 Ahli Dewan Negara, 19 daripadanya adalah wanita. Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, telah dilantik sebagai Menteri penuh sementara lapan Ahli Parlimen wanita telah dilantik sebagai Timbalan Menteri, mewakili Ahli Parlimen wanita di peringkat eksekutif. Matlamat perjuangan Ahli Parlimen wanita hari ini tanpa mengira kaum, bangsa dan fahaman politik, adalah untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan keluarga dan masyarakat, serta pembangunan negara yang seimbang dari segi mental dan fizikal.

Agenda penting Ahli Parlimen wanita di akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 adalah untuk memastikan Malaysia melaksanakan dasar-dasar untuk pembangunan wanita seperti Dasar Sosial Negara, Dasar Wanita Negara, teras Misi Nasional, agenda Pembangunan Negara selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara. Di samping itu adalah menjadi kewajipan negara kita untuk menyuarakan pandangan kerajaan di forum-forum Antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing, Matlamat Pembangunan Millenium (MDGs), serta lain-lain perjanjian dan konvensyen-konvensyen

Antarabangsa yang telah kita tandatangani.

Antara isu-isu yang sering diketengahkan oleh Ahli-Ahli Parlimen wanita pada masa kini:

- Kesaksamaan gender dan ke arah 30% penglibatan wanita dalam peringkat pembuat dasar;
- Menentang keganasan terhadap wanita;
- Keselamatan golongan wanita dan kanak-kanak serta orang kurang upaya;
- Meningkatkan keberkesanan strategi-strategi yang mengutamakan gender;
- Menangani masalah kesihatan terutamanya kesihatan wanita;
- Pembasmian kemiskinan;
- Mekanisma mengurangkan risiko HIV/AIDS;
- Kajian ke atas undang-undang agar lebih peka kepada masalah gender;
- Meningkatkan tahap penglibatan wanita dalam pasaran buruh.

Hasil daripada kesinambungan suara Ahli Parlimen wanita sepanjang dua dekad yang lepas, kita telah dapat melihat kerajaan secara berterusan merangka dasar dan polisi bagi memperkasakan wanita di negara ini. Pada tahun 1985, kerajaan telah merangka satu Dasar Wanita Kebangsaan sebagai garis panduan kepada pelbagai pihak bagi menambah dan menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara. Dasar-dasar tersebut diwujudkan bagi meningkatkan taraf kehidupan wanita dengan menangani cabaran-cabaran melalui peningkatan pendidikan dalam kalangan wanita dan penghapusan kemiskinan; dalam Rancangan Malaysia Ke-6, (1991-1995) misalnya, satu dana khas telah disediakan untuk memperkasakan wanita dalam pembangunan negara. Rancangan-rancangan Malaysia seterusnya telah meletakkan pembangunan wanita sebagai agenda pembangunan negara. Dalam bidang pendidikan, kadar celik huruf, kebolehan membaca dalam kalangan wanita telah meningkat daripada 88.5% pada tahun 2005, kepada 89.5% pada tahun 2007. Malah

lebih membanggakan, kadar kemasukan wanita ke universiti juga melebihi kaum lelaki iaitu sebanyak 60% pada tahun 2008.

Sementara di peringkat pembuat keputusan, pada Ogos 2004 Y.A.B. Perdana Menteri ketika itu telah mengumumkan dasar menetapkan sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam. Hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut, beberapa kemajuan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah dapat dilihat. Bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 22.8% pada tahun 2008. Bilangan wanita yang memegang jawatan peringkat pengurusan tertinggi di badan berkanun turut meningkat daripada 17.8% pada tahun 2004 kepada 21.3% pada tahun 2008. Manakala di sektor swasta %an wanita di peringkat pembuat keputusan seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan telah meningkat daripada 13.5% pada tahun 2004 kepada 26.2% pada tahun 2008. Namun begitu, peratusan wanita yang memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah menurun daripada 9.9% pada tahun 2004 kepada 6.1% pada tahun 2008.

Hari ini, wanita di negara ini bukan sahaja mencipta nama dalam pelbagai bidang dalam negara, bahkan mereka juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, antaranya Nicol Ann David (skuasy), Datuk Dr Jemilah (perubatan), Tan Sri Zeti Akhtar (perbankan) dan ramai lagi.

Sesungguhnya kejayaan wanita di negara ini tidak mungkin menjadi kenyataan kiranya suara lantang wanita tidak disokong oleh semua pihak, terutamanya wakil rakyat lelaki, ibarat pepatah, "Pemuda harapan bangsa, Pemuda tiang negara". Sikap toleransi dan keazaman untuk membangunkan negara yang kian menyubur dalam kalangan pemimpin-pemimpin lelaki dan wanita ini menjadi pemangkin kepada pembangunan dan perpaduan rakyat negara ini.

PENUTUP

Perjuangan wakil rakyat wanita di Malaysia semenjak dahulu hingga kini berlandaskan budaya dan agama yang mempengaruhi segala tindakan dan kelakuan serta percakapan mereka. Perjuangan mereka adalah berpaksikan satu matlamat, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan keluarga dan masyarakat, serta pembangunan negara yang seimbang dari segi mental dan fizikal. Bermula dengan perjuangan Puan Sri Datin Puteh Mariah, Tun Fatimah Hashim, dan seterusnya sehingga sekarang, kita telah melihat wanita negara ini mengalami proses transformasi dan perubahan semakin ketara yang mana suara wanita kian lantang dan bergema di Parlimen serta telah mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh kerajaan. Ramai tokoh wanita daripada pelbagai bidang seperti politik, korporat, sukan, dan sebagainya telah dilahirkan melalui dasar dan polisi hasil perjuangan mereka. Secara ringkasnya suara wanita di Parlimen sejak 50 tahun lalu telah memberi impak yang besar kepada kedudukan dan kemajuan negara pada hari ini, sehingga kita dapat melihat pembangunan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani dan mengecapi kemakmuran dan keamanan yang tiada tolok bandingnya.

RUJUKAN

- Aishah Ghani, Tan Sri (1992), Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang, Aishah Ghani, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Fatimah (1990), Srikandi Sumber Inspirasi, Azidah Mokhzani, Majlis Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia Kuala Lumpur, Mei 1990.
- Federal Legislative Council, 1948-1959
- – (2009), Armani wanita pertama Timbalan YDP, Utusan Malaysia, (10.07.2009).
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (2004), Malaysia: Report to the United Nations Committee on The Elimination of Discrimination Against Women (First and Second Report), Kuala Lumpur.
- Kementerian Wanita Keluarga dan Masyarakat (2008), Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2008, Kuala Lumpur.
- Memori Pejuang Bangsa, Jabatan Penerangan Malaysia, 2008



Sambutan Hari Merdeka

*dahulu dan kini
di Parlimen
Malaysia*

